

**KUMPULAN SABDA
DULI YANG TERAMAT MULIA
PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH
MENTERI KANAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI
TAHUN 2012**

Terbitan:
Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Pameran
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2015

Hakcipta Terpelihara
Jabatan Penerangan

Penyelaras:
Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir

Taip Set/Reka Letak:
Hajah Painah Paiman

Penyemakan:
Astrilen@Atikah binti Mohd. Asyraf
Hajah Sujimawati binti Mejari

Kulit Luar:
Muhammad Al Khaliq bin Ali

Percetakan:
Borneo Printers & Trading Sdn Bhd

ISBN
978-99917-49-58-7 (Kulit Keras)
978-99917-49-59-4 (Kulit Lembut)

*Kandungan**Muka Surat*

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sempena Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Ke-6, Sekolah Pegawai Kadet, ABDB, Perkhemahan Sungai Akar pada hari Khamis, 9 Rabiulawal 1433 Hijriah / 2 Februari 2012 Masihi

1 - 4

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri sempena Majlis Pelancaran Rancangan Kemajuan Negara Kesepuluh di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, (ICC) pada hari Sabtu, 22 Jamadilawal 1433 Hijriah / 14 April 2012 Masihi

5 - 9

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri sempena Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1433 / 2012, di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, (ICC) pada hari Selasa, 10 Jamadilakhir Hijriah / 1 Mei 2012 Masihi

10 - 14

*Kandungan**Muka surat*

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sempena Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Kewangan Islam 2012 (ICIF 2012) dan Muzakarah Cendekiawan Syar'iah Nusantara Kali Ke-6 (MCSN 6) di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun pada hari Selasa, 23 Jamadilakhir 1433 Hijriah / 15 Mei 2012 Masihi

15 - 19

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-51 ABDB di Padang Kawad Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Muara pada hari Khamis, 10 Rejab 1433 Hijriah / 31 Mei 2012 Masihi

20 - 24

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri sempena Majlis Perasmian Konferensi Islam Antarabangsa Borneo V (KAIB V), di Dewan Persidangan BRIDEX Jerudong pada hari Rabu, 7 Sya'aban 1433 Hijriah / 27 Jun 2012 Masihi

25 - 28

Kandungan

Mukā Surat

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan sempena Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-19 di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) pada hari Rabu, 1 Zulhijjah 1433 Hijriah / 17 Oktober 2012 Masihi

29 - 33

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan sempena Majlis Pembukaan Rasmi 2012 Brunei Sports Convention And Expo 'Sports For Excellence' di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) pada hari Selasa, 21 Zulhijjah 1433 Hijriah / 6 November 2012 Masihi

34 - 38

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan
Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)
pada Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet
Pengambilan Ke-6, Sekolah Pegawai Kadet, ABDB,
Perkhemahan Sungai Akar
pada hari Khamis, 9 Rabiulawal 1433 Hijriah /
2 Februari 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya juga, kita berhimpun pada pagi ini bagi Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-6 Sekolah Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Pada saat membanggakan ini, saya sukacita mengucapkan tahniah kepada 15 orang pegawai kadet yang telah berjaya untuk ditaliah sebagai pegawai tentera ABDB. Pengambilan kali ini mencatatkan sejarah tersendiri dengan penaulianan seorang *scholar* Pemerintah Tertinggi ABDB yang telah lulus dalam jurusan pergigian.

Dalam masa tiga tahun penubuhannya, Sekolah Pegawai Kadet telah melahirkan lebih ramai pegawai tentera berkelulusan tinggi dan berbagai bidang kelayakan. Berbanding dengan pengambilan tahunan sebelumnya, ini merupakan satu perkembangan positif.

Sungguhpun demikian, ABDB masih memerlukan ramai lagi tenaga di kalangan graduan untuk memasuki kerjaya tentera bagi memikul tanggungjawab menjaga keselamatan negara.

Saya menghargai peranan ibu bapa serta keluarga dalam memberi galakan dan sokongan kepada anak-anak mereka untuk menceburi kerjaya sebagai pegawai tentera.

Berkhidmat sebagai anggota tentera adalah satu perkara yang mulia di sisi agama dan negara. Pada masa yang sama, ia juga satu kerjaya yang mencabar kerana sentiasa berhadapan dengan bermacam keadaan.

Dengan itulah, kerajaan paduka ayahanda sentiasa prihatin dan memberi perhatian berat terhadap kesejahteraan seluruh anggota tentera supaya mereka diberi penghormatan, layanan dan imbalan yang selayaknya. Usaha ke arah ini perlu dihargai dengan bertambahnya kemudahan dan imbalan yang dihulurkan bagi keselesaan seluruh anggota tentera dan haruslah dimanfaatkan sehingga membawa sesuatu yang lebih bererti.

Di samping itu, tabiat berjimat cermat juga perlu diamalkan. Ini selaras dengan titah paduka ayahanda baru-baru ini, antara lainnya menitahkan: "Turut menjadi kunci kestabilan dan kemakmuran ialah amalan berjimat cermat. Sikap berhemat dalam berbelanja sama ada di peringkat kerajaan, rumah tangga mahupun individu adalah tunggak *survival* ekonomi negara."

Upacara pada hari ini sekali lagi menggambarkan betapa tinggi penghormatan yang diberikan kepada mereka yang bakal dipanggil pegawai tentera. Mereka inilah pelapis yang bakal menerajui kepimpinan ABDB.

Cabarannya diharungi selama 42 minggu telah mendedahkan setiap pegawai kadet kepada aspek-aspek ketenteraan dengan tujuan untuk melengkapkan diri mereka dengan ilmu, iman dan kemahiran kepimpinan.

muka 2

Dalam konteks ini, saya juga ingin menekankan pentingnya peranan sains dan teknologi dalam pertahanan dan keselamatan negara, khususnya sebagai *force multiplier* bagi menggandakan kekuatan angkatan tentera dan keselamatan anggotanya.

Teknologi adalah pemangkin kepada transformasi institusi pertahanan, namun pertumbuhannya yang begitu pesat mencabar keupayaan dan belanjawan negara untuk berada di tahap yang diingini.

Menyedari hakikat bahawa perkembangan teknologi tidak ada batasannya, banyak negara telah mengambil langkah untuk meningkatkan industri pertahanannya sendiri. Ini termasuklah langkah membuat pelaburan awal dalam bidang kajian dan perkembangan dengan membentuk dasar teknologi mereka sendiri.

Sehubungan itu, paduka ayahanda telah memperkenankan bagi Kementerian Pertahanan mengemaskinikan struktur pentadbiran dan melakar strategi untuk mengembangluaskan kesedaran dan penggunaan teknologi dalam institusi pertahanan tanah air.

Saya yakin Akademi Pertahanan dan Sekolah Pegawai Kadet, khususnya, mempunyai peranan penting dalam mendukung hasrat ini dan untuk menanamkan kesedaran yang berterusan mengenai kepentingan perkembangan teknologi di kalangan pegawai-pegawai kadet.

Akademi Pertahanan hendaklah mengorak langkah ke arah membina suasana pembelajaran yang lebih kondusif kepada kehendak peningkatan ABDB.

Akhirnya, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga Akademi Pertahanan, khususnya komandan, pegawai pemerintah, *colour sergeant* dan pegawai-pegawai yang terlibat, atas segala usaha dan tenaga yang disumbangkan dalam melatih dan mendidik pegawai-pegawai kadet hingga ke penghujungnya.

muka 3

Dengan berkat kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan pada menjunjung titah perkenan paduka ayahanda, saya sukacita mengurniakan tauliah sebagai pegawai tentera ABDB kepada 15 orang Pegawai Kadet Pengambilan Ke-6.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
pada Majlis Pelancaran Rancangan Kemajuan Negara Kesepuluh di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa pada hari Sabtu, 22 Jamadilawal 1433 Hijriah /
14 April 2012 Masihi

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhamadin Wa'alaa Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga kita dapat sama-sama hadir di Majlis Pelancaran Rancangan Kemajuan Negara Kesepuluh (RKN10) pada pagi ini.

Dengan kepimpinan bijaksana paduka ayahanda serta hasil bumi yang telah kita nikmati selama ini dan didukung dengan suasana keamanan dan kestabilan, alhamdulillah, tahap kehidupan rakyat dan penduduk negara sejauh ini telah berjaya ditingkatkan melalui beberapa RKN sebelumnya. Insya-Allah, agenda pembangunan bangsa dan negara ini akan terus diperingkatkan dan diperkuatkan untuk tempoh lima tahun selanjutnya melalui RKN10 ini.

Sehubungan dengannya, saya sukacita menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis paduka ayahanda di atas kurnia perkenan bagi memperuntukkan BND6.5 bilion untuk pelaksanaannya, iaitu peningkatan sebanyak BND1.3 bilion atau 25 peratus dari jumlah peruntukan RKN 2007-2012 yang lepas.

Seperti yang telah kita maklumi, Wawasan Brunei 2035 telah menggariskan hasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, serta ekonomi yang berdaya tahan di antara sepuluh negara teratas dari segi pendapatan per kapita. RKN10 ini adalah rancangan yang kedua dalam Perancangan Kemajuan Jangka Panjang bagi tempoh 30 tahun.

RKN10 mempunyai tema khas, iaitu 'Pengetahuan dan Inovasi, Meningkatkan Produktiviti, Mempercepatkan Pertumbuhan Ekonomi'. Mesej utama tema ini adalah bagi mempercepatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang akan dijana melalui peningkatan produktiviti dalam semua aspek yang setentunya menghendaki tahap pencapaian dan penguasaan ilmu pengetahuan, serta pembudayaan inovasi dalam kalangan rakyat dan penduduk.

Oleh yang demikian, RKN10 akan memberi penekanan dan keutamaan kepada usaha-usaha untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara dengan kadar sasaran enam peratus setahun selaras dengan pertumbuhan ekonomi serantau.

Justeru itu, kerajaan akan terus memfokuskan usaha peningkatan taraf pendidikan, kemahiran dan keupayaan sumber tenaga kerja di semua sektor awam dan swasta, melalui penyediaan Dana Sumber Manusia dan penyediaan infrastruktur pendidikan. Langkah ini, insya-Allah akan melahirkan lebih banyak rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya sebagai perintis bangsa yang dinamik serta progresif.

Melalui RKN10 ini, Dana Penyelidikan dan Perkembangan juga akan disediakan. Ini adalah bertujuan bagi menggalakkan lebih banyak aktiviti penyelidikan dan perkembangan terutama penyelidikan yang dapat menghasilkan produk atau perkhidmatan yang dapat dikomersialkan dan berpotensi untuk dieksport ke luar negara.

Sepertimana RKN sebelumnya, RKN10 juga menyediakan peruntukan bagi beberapa sektor utama berpandukan kepada perancangan setiap

muka 6

kementerian yang meliputi sektor sosial yang merangkumi perumahan, pendidikan dan kesihatan, sektor-sektor pengangkutan dan perhubungan, perindustrian dan perdagangan, penggunaan awam, bangunan awam, teknologi dan infokomunikasi, keselamatan serta sains dan teknologi.

Melalui RKN10 ini, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana adalah juga merupakan salah satu sektor penting yang diberi perhatian khusus. Saya berharap agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadapnya akan dapat mengungkayahkan inisiatif-inisiatif bersesuaian bagi memperkasa PKS tempatan untuk berkembang maju di dalam negara dan seterusnya menembusi pasaran luar.

Di kesempatan ini, suacita saya mengingatkan supaya penilaian semula ke atas pencapaian dalam setiap sektor dibuat dengan lebih objektif berdasarkan dapatan pencapaian prestasi setiap kementerian dalam melaksanakan RKN sebelumnya yang secara puratanya hanya berupaya mencatatkan perbelanjaan sekitar 60 peratus daripada peruntukan yang disediakan.

Kesan langsungnya terhadap peruntukan RKN10 ini, sebanyak 60 peratus keperluan peruntukannya adalah bagi membiayai 480 projek yang tertunda dari RKN 2007-2012 dan hanya 40 peratus adalah bagi membiayai 202 projek baru.

Oleh yang demikian, setiap kementerian patutlah mengambil langkah yang lebih proaktif, konkret dan efisien dalam melaksanakan serta menjayakan program dan projek RKN10 yang diluluskan tanpa perlu ditunda ke RKN berikutnya.

Setiap kementerian menyediakan kaedah pemantauan yang jelas untuk mengetahui status pelaksanaan setiap projek dengan lebih telus. Jadual-jadual pelaksanaan semestinya telah disediakan dari sekarang yang merangkumi proses-proses asas pelaksanaan, seperti pemilihan konsultan, pengurus projek dan penyediaan dokumen tawaran yang boleh dikendalikan secara selari. Jika proses teras ini dapat diselaraskan dengan jayanya maka kerja-kerja pembangunan akan dapat dimulakan

muka 7

pada awal atau pertengahan tahun kedua RKN10 ini.

Dalam hubungan ini, Jawatankuasa Tertinggi RKN10 mempunyai komitmen yang tinggi dengan mengadakan lawatan dari semasa ke semasa ke tapak-tapak projek RKN. Insya-Allah, saya sendiri akan turun padang membuat lawatan bagi meninjau dan memastikan pelaksanaan projek mengikut jadual, di samping peluang bermuzakarah dan menangani masalah yang dikenal pasti dengan tindakan-tindakan untuk mengatasinya.

Dengan mengambil ingatan titah paduka ayahanda yang sering menekankan pentingnya peningkatan produktiviti, maka ada baiknya setiap kementerian memastikan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh pegawai dan kakitangan di bawah kawalan masing-masing sentiasa diperbaiki, dipertingkatkan, dipermudahkan dan dipercepatkan yang meliputi penggubalan Petunjuk Prestasi Umum yang lebih menepati piawaian dan ekspektasi semasa.

Setiap kementerian juga perlu untuk sentiasa memperkemaskan dan memantau sasaran hasil khusus yang hendak dicapai melalui penyata *Key Result Areas* dalam peringkat kementerian masing-masing. Misalnya bagi sektor pendidikan, adakah memadai bagi penilaian pencapaian sektor itu diukur berdasarkan pencapaian peratus pelajar lulus dalam peperiksaan ataupun adakah perlu juga disediakan sasaran pencapaian dalam matematik pelajaran penting seperti Sains dan Matematik dari seawal peringkat rendah hingga dalam peringkat sekolah menengah.

Manakala bagi sektor pertanian, adakah sudah memadai pencapaian di sektor ini diukur dari segi keluasan tanah yang diusaha sahaja? Bukankah yang lebih tepat lagi ialah bagi pencapaiannya diukur melalui hasil keluaran setiap hektar tanah yang diusaha.

Begitulah juga umumnya dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai, KPI yang digunakan mestilah dengan amalan terbaik antarabangsa iaitu KPI yang diguna pakai mestilah berupaya merangsang pada pekerja untuk lebih progresif secara berterusan dan bukannya KPI yang

mendorong mereka bersikap *business as usual*.

Kesemua ini adalah bagi memudahkan pemantauan ke atas sebarang pembinaan pengurusan sesama kementerian bahkan yang lebih penting lagi ialah bagi menilai kecekapan dalam berurusan dengan orang ramai termasuk pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara.

Sebagai wadah kepada keprihatinan kerajaan tersebut, maka Majlis Pelancaran RKN10 diadakan bagi membarigakan kepada umum untuk sama-sama menanamkan semangat jitu dan *sense of urgency* terhadap apa jua usaha yang dilaksanakan yang menjurus kepada keupayaan agenda pembangunan negara yang sentiasa progresif.

Akhirnya, dengan berkat kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacita merasmikan Pelancaran Rancangan Kemajuan Negara Kesepuluh.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
Sempena Majlis Pertandingan
Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa
Peringkat Akhir Kebangsaan 1433 / 2012,
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa
pada hari Selasa, 10 Jamadilakhir 1433 Hijriah /
1 Mei 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaa Alihie Wasabihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, segala puji-pujian dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya juga dapatlah kita hadir dalam Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1433 Hijriah pada malam ini.

Al-Qur'an adalah kitab anugerah teragung yang paling kerap dan meluas dibaca serta dikaji oleh umat manusia. Kita tidak akan pernah jemu mendengar dan membacanya walau berulang kali. Malahan bagi hati-hati yang bertakwa, kerinduan untuk membacanya akan sentiasa menggamit di setiap waktu terluang.

Di samping itu, Al-Qur'an merupakan kepala segala zikir. Justeru membaca serta menghayati kandungan kalimahnya yang suci lagi indah sudah pastinya akan memperingatkan kita terhadap kebesaran Yang Maha Pencipta. Malahan, Al-Qur'an adalah juga raja segala penawar. Setiap

muka 10

ungkapan kalimahnya akan memberikan ketenangan dan kesegaran serta memelihara kesejahteraan hati dan akal fikiran kepada setiap yang mendampinginya.

Kita tidak perlu bimbang akan keaslian isi Al-Qur'an kerana ianya sentiasa mendapat pemeliharaan dari Allah Subhanahu Wata'ala. Pengajarannya yang syumul adalah sesuai dan terus *relevant* untuk sepanjang zaman.

Terunggul sekali ialah keajaibannya dalam memperlihatkan serta bukti jelas kebenaran dan kebesaran-Nya selaras dengan tahap ilmu serta kefahaman semasa manusia mengenainya. Surah Al Hasyr ayat 21 yang antara lain maksudnya:

"Kalau sekiranya Kami menurunkan Al-Qur'an ini kepada sebuah gunung, pasti kamu akan melihatnya tunduk terpecah belah disebabkan takut kepada Allah. Dan perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir."

Dengan demikian amatlah jelas bahawa intipati dari Al-Qur'an itu adalah bagi setiap umat manusia untuk sentiasa berzikir atau saling ingat kepada kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ingat yang dimaksudkan adalah keakraban menyebut kebesaran Allah dalam hati sanubari kita dan bukan hanya setakat dilafazkan sahaja. Melalui ingatan serta mengambil iktibar yang mendalam barulah perjalanan hidup ke arah kesempurnaan insan akan dapat dicapai.

Pada masa ini, alhamdulillah, tafsirannya pula terdapat di dalam pelbagai bahasa dan mudah diperolehi serta dapat diakses dalam pelbagai bentuk cetak dan digital. Oleh itu, tiada alasan dan dalih lagi untuk kita tidak menimba sebanyak yang mungkin akan isi dan hikmahnya secara mendalam agar kita dapat meraih manfaat daripada kitab yang teragung ini.

Ini termasuklah penerapan ciri-ciri keperibadian insan sempurna
muka 11

seperti beriman, bertakwa, beradab, berilmu, berkemahiran, tertib, serta gigih dalam membuat kebaikan dan kebenaran. Semua ini hanya akan dapat dicapai setelah insan itu berupaya mengenal dirinya serta rahsia penciptaannya berpandukan kepada nas-nas dari Al-Qur'an dan As-Sunnah. Kejayaan seorang Muslim seterusnya akan terserah dengan pegangan yang teguh untuk mengimani, mempelajari, mengamalkan dan seterusnya menyampaikan pengajaran yang terkandung di dalamnya.

Hala tuju ini juga selaras dengan hasrat kita bagi melahirkan sebuah negara zikir yang sudah setentunya bertunjangkan kepada aset sumber manusia yang sempurna dari segi emosi, spiritual dan intelektualnya. Bagaimanapun, bagi mencapainya kita perlu berusaha keras.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar Ra'd ayat 11 yang antara lain bermaksud: "*Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah nasib mereka sendiri.*"

Alhamdulillah, amalan membaca serta penyebaran pengajaran Al-Qur'an telah menjadi sebahagian dari cara hidup di negara ini. Perkara ini adalah juga bertepatan dengan tema pertandingan pada tahun ini iaitu 'Al-Qur'an Panduan Kesempurnaan Insan'.

Masyarakat yang mengamalkan cara hidup yang berpandukan kepada pengajaran serta iktibar dari Al-Qur'an, insya-Allah akan sentiasa dilimpahi hidayah dan beroleh petunjuk-Nya. Ini termasuklah juga roh Al-Qur'an yang berupaya memberikan ketenangan jiwa serta memelihara kesejahteraan hati, akal fikiran dan juga keafiatan.

Bila hati sudah berpaut dengannya akidah seseorang itu akan sentiasa dipandu oleh keimanan dan ketakwaan yang seterusnya akan melahirkan insan yang berakhhlak mulia. Kemuncak kesempurnaan insan yang sentiasa berdamping dengan Al-Qur'an akan mendapat keberkahan hidup dan ketinggian darjat duniawi serta dijanjikan syafaat pada alam akhirat yang hakiki.

Modal insan yang sempurna dari segi akhlak akan berupaya membangun masyarakat dan negara yang sentiasa dinamik dan progresif. Ianya akan mendukung agenda pembangunan negara yang bersandarkan kepada ciri-ciri ketamadunan Islam yang meliputi sistem pentadbiran negara yang berasaskan Syura, kesaksamaan dalam sistem sosial serta sistem perdagangan dan ekonomi yang adil.

Perkara ini jelas terbukti dengan kecemerlangan ramai ilmuwan Islam dalam bidang-bidang sains, matematik dan astronomi semasa era kegemilangan Islam terdahulu.

Dengan demikian, titik keseimbangan agenda pembangunan fizikal dan spiritual berpandukan Al-Qur'an dan As-Sunnah akan tetap relevan dalam kehidupan beragama, berkeluarga dan bermasyarakat yang menjurus kepada mengekalkan kemakmuran negara *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghaffur* seperti yang dititahkan oleh paduka ayahanda di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kelapan Majlis Mesyuarat Negara.

Sehubungan dengannya, adalah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam untuk memanfaatkan pelbagai kemajuan dalam teknologi infokomunikasi serta kemahiran dan kepakaran umat Islam dalam bidang-bidang yang berkepentingan secara amnya. Ini termasuklah bekerjasama dan saling membantu dalam membangun keupayaan masing-masing bagi mengharungi serta mengimbangi arus cabaran era globalisasi masa kini, seperti dengan memanfaatkan sektor industri produk makanan halal dan sistem kewangan Islam yang kini telah diterima guna dengan meluasnya.

Pencapaian ini akan seterusnya dapat memartabatkan imej Islam sebagai agama universal yang menggalakkan persaudaraan, perdamaian, progresif serta dinamik untuk kemanfaatan seluruh umat manusia.

Akhirnya, dengan berkat kalimah *Bismillahir Rahmani Rahim* selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu

Alaihi Wasallam, saya dengan sukacita merasmikan Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1433 Hijriah.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
dan Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Sempena Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Kewangan Islam 2012 (ICIF 2012) dan Muzakarah Cendekiawan Syar'iay Nusantara Kali Ke-6 (MCSN 6)
di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun pada hari Selasa, 23 Jamadilakhir 1433 Hijriah / 15 Mei 2012 Masihi

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalaamu'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas izin serta limpah rahmat-Nya juga, kita berpeluang hadir di Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Kewangan Islam 2012 dan Muzakarah Cendekiawan Syar'iay Nusantara Kali Ke-6 yang juga diselajurkan dengan 'Pelancaran Buku-Buku Ilmiah Terbitan Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah kepada UNISSA atas inisiatif menganjurkan persidangan yang menghimpunkan pakar-pakar syariah dan golongan profesional kewangan Islam dari berbilang negara.

Sudah setentunya melalui majlis seumpama ini, kita berpeluang untuk

mendengar pelbagai isu semasa mengenai muamalah dan kewangan Islam dibahaskan bersama bagi mencari penyelesaian yang bernes, komprehensif dan terarah dari aspek teori dan aplikasinya, ke arah mencapai hasrat mempertingkatkan lagi perkembangan Sistem Kewangan Islam.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, hampir lima tahun lalu, dunia telah dikejutkan dengan krisis kegawatan ekonomi akibat daripada krisis *sub-prime mortgage* di Amerika Syarikat. Ianya telah menggugat kedudukan banyak institusi perbankan, termasuk beberapa institusi terkemuka, akibat dari terdedahnya mereka kepada banyak aset-aset dan hutang-piutang yang berkualiti rendah atau *toxic* sehingga menjelaskan sektor kredit global.

Keadaan tersebut turut menggugat keyakinan para pelabur serta memberikan impak langsung kepada pasaran saham dan kewangan di seluruh dunia. Lebih membimbangkan lagi, krisis yang bermula dari sektor kewangan tersebut telah merebak kepada sektor *real economy global* sehingga banyak negara telah mengalami kemelesetan yang mengakibatkan ramai yang kehilangan pekerjaan dan sumber mata pencarian. Walaupun pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan, sehingga kini pertumbuhan ekonomi dan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan global masih terus rapuh.

Krisis tersebut banyak memberikan kita iktibar dan pengajaran yang sangat berguna. Pada hemat saya, ianya telah mendedahkan dengan jelas akan terdapatnya banyak kelemahan dalam pelbagai aspek, sama ada dari segi *business model, governance*, mahupun peraturan dan perundangan serta pengawalseliaan yang terdapat di dalam Sistem Kewangan Konvensional yang perlu diperbaiki dan diperkemaskinikan.

Justeru, menyedari keadaan ini, cendekiawan-cendekiawan Islam berkeyakinan untuk mengenangkan sistem ekonomi dan kewangan Islam yang berteraskan prinsip dan norma murni agama, yang amat sesuai diperkembangkan sebagai alternatif yang benar-benar menjanjikan penyelesaian yang lebih menyeluruh terhadap isu-isu semasa yang dihadapi oleh Sistem Kewangan Konvensional. Bagaimanapun

pencapaian aspirasi sedemikian memang sangat mencabar. Namun begitu alhamdulillah, perkembangan dan penerimaan serta kadar pertumbuhan kaedah kewangan Islam setakat ini adalah amat memberangsangkan.

Berdasarkan maklumat yang dipetik daripada Akhbar Financial Times bertarikh 27 Mac yang lalu menyatakan bahawa industri kewangan Islam telah berkembang maju dengan mencatatkan jumlah aset bernilai 1.1 trillion Dollar Amerika. Reuters pula melaporkan bahawa kewangan Islam telah mencatatkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 15 hingga 20 peratus sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan seterusnya meramalkan bahawa aset kewangan Islam akan mencecah 2 trillion Dollar Amerika dalam tempoh tiga ke lima tahun akan datang. Perlu dimaklumi bahawa antara punca utama pertumbuhan tersebut ialah kepesatan perkembangan ekonomi dan peningkatan kemakmuran negara-negara Islam sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Jelasnya, pengajuran persidangan ini adalah tepat pada waktunya, di mana industri serta institusi-institusi kewangan Islam sedang mengalami pertumbuhan pesat. Kepesatan pembangunan industri kewangan Islam hari ini mengundang para cerdik pandai dan para ilmuwan yang berlatarbelakangkan bidang perekonomian dan kewangan Islam untuk tampil ke hadapan dengan idea-idea yang bernes sebagai usaha memperkuatkan lagi Sistem Kewangan Islam di persada dunia.

Dalam hubungan ini, saya berpendapat dalam usaha berterusan untuk membangun industri kewangan Islam ini, kita perlu untuk memastikan ianya bersifat kukuh dan mapan serta mampu menangani apa juu krisis dan cabaran yang mendarat.

Di samping itu, ianya hendaklah terus dapat berkembang maju dan berdaya tahan menurut peredaran zaman. Oleh itu, industri kewangan Islam perlu dijana berteraskan kepada kaedah dan instrumen-instrumen yang benar-benar menepati hukum syarak serta berdaya saing berbanding Sistem Kewangan Konvensional dalam menawarkan kemanfaatan kepada para pelanggan, sama ada pemilik aset mahupun para usahawan dan sektor-sektor yang memerlukan kemudahan pembiayaan.

Dalam masa yang sama, kita juga perlu mewujudkan sistem pengawalseliaan serta peraturan dan perundangan yang komprehensif.

Dalam konteks keusahawanan, saya berpendapat bahawa sektor perbankan Islam juga perlu lebih mesra usahawan dengan menawarkan pelbagai kaedah dan instrumen pembiayaan yang *Syariah-compliant* yang berupaya menjana peluang kepada lebih ramai usahawan Muslim untuk bergiat aktif dalam bidang masing-masing.

Dari sudut yang lain, kecenderungan kepada usaha sedemikian ini adalah bertepatan sebagai dukungan berterusan kepada hasrat paduka ayahanda bagi mempertingkatkan *ease of doing business* di negara ini. Saya berharap persidangan ini akan dapat mengenangkan idea-idea baru yang boleh menyumbang kepada kekuuhan *status* Sistem Kewangan Islam yang sedia ada, di samping cuba menyelesaikan isu-isu semasa yang dihadapi oleh Sistem Kewangan Islam di persada global.

Ini termasuklah pemikiran ke arah penyelesaian isu-isu utama yang berkaitan dengan kesamaran dan kewahaman tentang matlamat, kaedah, operasi dan produk-produk yang ditawarkan oleh perbankan Islam agar masyarakat dunia akan lebih mengetahui secara jelas akan hakikat serta aspirasi kewangan Islam bagi mengelakkan kesalahfahaman mengenainya.

Permasalahan seumpama ini, jika tidak ditangani secara bijaksana dan meyakinkan akan menggugat perkembangan Sistem Kewangan Islam melalui tercetusnya pelbagai persepsi dan reaksi yang negatif sehingga terdapat kelompok masyarakat yang beranggapan bahawa Sistem Kewangan Islam tidak ubah seperti sistem kewangan konvensional yang berteraskan *capitalism*, iaitu bermuamalah dengan amalan riba yang semata-mata bermatlamatkan mengaut keuntungan sahaja.

Saya berpendapat bahawa penyelesaian terhadap masalah ini adalah terletak kepada sejauh mana kaedah pengurusan kewangan berkenaan dibuat secara ikhlas dan usaha bersungguh-sungguh ke arah menepati

Maqasid Syariah, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Dalam erti kata lain, Sistem Kewangan Islam yang berdaya tahan perlu menjiwai Islam dengan sebenar-benarnya dengan meyakini dan mematuhi syariat Islam demi meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, bukannya demi mengaut keuntungan duniawi semata-mata.

Pada mengakhirinya, saya berharap agar para cendekiawan serta peserta yang mengikuti persidangan dan muzakarah selama tiga hari ini akan mendapat manfaat yang sepenuhnya, di samping menghasilkan resolusi bernilai untuk dibawa kepada perhatian pihak-pihak yang berkepentingan mengenainya ke arah memperkasa umat Islam dalam sektor kewangan dan ekonomi yang lebih dinamik dan progresif.

Di kesempatan ini, saya juga ingin menyampaikan tahniah kepada Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan khasnya dan UNISSA amnya, kerana telah berjaya menghasilkan dan menerbitkan beberapa buah buku ilmiah untuk dimanfaatkan oleh seluruh warga masyarakat.

Dengan mendahuluikan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Persidangan Antarabangsa Kewangan Islam 2012 dan Muzakarah Cendekiawan Syar'iah Nusantara Kali Ke-6 dan seterusnya melancarkan Buku-Buku Ilmiah Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan UNISSA.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Timbalan Sultan dan Jeneral Angkatan Bersenjata
Diraja Brunei (ABDB)
Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-51 ABDB
di Padang Kawad Pangkalan Tentera Laut
Diraja Brunei (TLDB), Muara
pada hari Khamis, 10 Rejab 1433 Hijriah /
31 Mei 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhamadin Wa'alaa Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SEGALA puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengurniakan nikmat keamanan dan mengizinkan kita berhimpun pada pagi ini bagi memperingati Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-51.

Keamanan dan kesejahteraan adalah satu-satunya nikmat yang diidamkan oleh semua negara di dunia ini. Alhamdulillah, di negara ini, ianya adalah satu nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang paling berharga yang telah dilimpahkan-Nya kepada negara yang kita cintai ini.

Dengan keamanan dan kesejahteraan yang berterusan, agenda pembangunan telah dapat kita rancang dan laksanakan dengan lebih teratur dan sempurna. Inilah hasil keberkahan pelaburan strategik kita dalam beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala selaras dengan amalan Melayu Islam Beraja (MIB) yang bersulamkan usaha

gigih dan berterusan di pelbagai peringkat masyarakat untuk menjana keamanan tersebut.

Ini tidak terkecuali kepada ABDB yang berperanan bersama dengan Kementerian Pertahanan untuk memantapkan institusi pertahanan negara ini. Peranan ini setentu perlu dilaksanakan melalui rencana pembangunan ketenteraan yang lebih meluas serta terarah. Dengannya, ABDB akan lebih berkeyakinan dalam menangani apa jua cabaran semasa dan mendatang.

Dalam konteks ini, kerajaan paduka ayahanda sentiasa menekankan akan perlunya perancangan yang menjurus kepada hala tuju pembangunan yang jelas bagi mencapai matlamat pertahanan negara. Matlamat utamanya adalah untuk membentuk angkatan tentera yang *resilien*, memiliki kemampuan tersendiri serta tahap profesionalisme dan kesiapsiagaan yang tinggi.

Justeru, paduka ayahanda telah memperkenankan Rancangan Pembangunan Keupayaan Tentera jangka panjang yang cukup luas bagi mengembangkan kewibawaan institusi pertahanan negara ke tahap yang diharapkan.

Sehubungan itu, saya mengucapkan tahniah kepada ABDB kerana berjaya menujuhkan beberapa institusi selaku pelengkap matlamat tersebut, seperti Jabatanaroh Perkembangan Keupayaan Tentera; Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi dan Akademi Pertahanan. Jelas sekali, penubuhan institusi berkenaan adalah sangat penting untuk memantapkan keupayaan angkatan pertahanan bersepdu yang mampu bertindak menangani sebarang ancaman dan cabaran semasa termasuk operasi yang berbentuk *non-conventional*.

Perkembangan positif tersebut juga membolehkan ABDB menyumbang dengan lebih bermakna kepada rangka kerjasama bersama agensi penguatkuasa awam. Di samping itu, ianya juga sangat berfaedah kepada penglibatan langsung anggota kita dalam operasi keamanan serantau dan antarabangsa seperti Pasukan Pemantau Antarabangsa di

Mindanao, Filipina dan Misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan.

Ke arah itu, doktrin dan prosedur-prosedur tetap hendaklah sentiasa disusun rapi dan diperkemaskinikan bagi memastikan keupayaan ketenteraan kita dalam melaksanakan keperluan operasi yang pelbagai bentuk dan pelbagai bidang. Kecekapan dan ketangkasan angkatan tentera kita hendaklah terus diperkemaskan kerana keberkesanan setiap operasi adalah banyak bergantung kepada tahap kesiapsiagaan anggota serta kelengkapannya.

Alhamdulillah, ABDB baru-baru ini telah berjaya melaksanakan Eksesais Hikmat Bersatu Empat yang menumpukan kepada operasi berbentuk *counterinsurgency* dan *urban warfare* dalam rangka latihan ketenteraan berskala besar yang melibatkan keupayaan darat, laut dan udara. Ianya juga adalah bertujuan bagi menguji keupayaan sebenar Pusat Gerakan Markas Bersama dan sistem C4i yang diguna pakai.

Pada hemat saya bagi membolehkan ABDB memperolehi manfaat sepenuhnya daripada eksesais tersebut, apa jua jurang dan kelemahan dalam keupayaan yang dikenal pasti hasil latihan tersebut perlulah diambil iktibar dan tindakan sewajarnya dilaksanakan. Ini termasuklah keperluan bagi memperkenalkan kaedah-kaedah pemeriksaan *fit for role* secara berjadual dan latihan berkala di antara semua perkhidmatan tentera.

Saya percaya banyak lagi ruang pembaikan yang perlu untuk terus ditangani serta dipersiapkan secara berhemah dan bijaksana. Ini meliputi penggubalan dasar semasa yang berkaitan perolehan, penggantian dan pengemaskinian aset-aset, pengurusan sumber tenaga dan penyelenggaraan infrastruktur pertahanan yang bertaraf tinggi dan berdaya tahan.

Hakikatnya, pembangunan keupayaan bersepada seperti ini sudah setentunya akan mengambil masa dan memberikan cabaran yang berterusan. Kementerian Pertahanan dan ABDB khususnya, perlu memastikan pengurusan institusi pertahanan yang dinamik

dan mempersiapkan angkatan tentera yang sentiasa dipertingkatkan keupayaannya dari semasa ke semasa.

Dalam erti kata lain, keseimbangan dalam perkembangan institusi pertahanan, hendaklah menjurus kepada pembangunan semua aspek perkhidmatan ketenteraan berdasarkan keupayaan tersendiri. Keupayaan tersebut perlu dimiliki dan dikuasai ke arah menyumbang kepada kejayaan dan keberhasilan sebuah gabungan operasi bersama.

Sehubungan itu, adalah menjadi harapan bersama supaya pelaksanaan pembinaan Maritime Training School dalam jangka masa yang telah ditentukan, akan berperanan menyumbang kepada memperkasakan keupayaan pertahanan maritim, khususnya dalam mempertahankan kedaulatan zon ekonomi eksklusif.

Dalam pada itu, era pmodenan semasa juga banyak dipengaruhi oleh hasil dapatan penyelidikan dan perkembangan bidang sains dan teknologi. Perkembangan ini juga menghendaki kita untuk lebih teliti dalam membuat pengkajian dan penilaian secara berhemah terhadap sebarang keperluan taktikal demi memastikan prosedur perolehannya bersesuaian dan menepati matlamat pembangunan keupayaan operasi.

Ke arah itu, pendekatan dan proses-proses berkaitan dalam kementerian perlulah dibuat penilaian semula dari semasa ke semasa sebagai asas pembaikan berterusan bagi memudah cara dan mempercepatkan pencapaian kejayaan proses perolehan dan pembangunan kapasiti menurut tempoh yang ditetapkan. Perkara ini adalah sangat diperlukan dalam kita berusaha untuk menggubal strategi pengurusan pertahanan yang lebih mantap.

Dalam hal ini, peranan sektor swasta juga harus diberi galakan, terutamanya syarikat-syarikat tempatan untuk turut bersaing dalam menawarkan perkhidmatan masing-masing sebagai penggalak kepada pertumbuhan industri perkhidmatan pertahanan setempat secara amnya.

Melalui peningkatan kaedah *outsourcing* dan usaha sama awam-muka 22

swasta yang bestari, pengusaha tempatan akan dapat membina keupayaan masing-masing untuk seterusnya bersaing di persada serantau dan antarabangsa bagi menjana pertumbuhan sektor ekonomi yang berpotensi dengan menawarkan peluang pekerjaan berkualiti serta mapan kepada anak watan.

Pada kesempatan ini, saya juga mengucapkan tahniah di atas pencapaian ABDB dalam menerapkan nilai-nilai murni agama melalui penglibatan langsung pucuk kepimpinan dan anak buahnya dalam aktiviti-aktiviti keagamaan pada sepanjang tahun. Pendekatan ini setentunya dapat mengukuhkan sifat takwa dalam diri setiap anggota tentera selaras dengan penerapan konsep MIB sebagai ciri teras dalam institusi pertahanan negara. Inilah satu pelaburan yang tidak boleh diabaikan.

Akhirnya, saya mengucapkan selamat menyambut Hari Ulang Tahun ABDB Ke-51 kepada seluruh peringkat warga tentera dan setinggi-tinggi penghargaan kepada bekas warga tentera, di atas khidmat bakti masing-masing kepada negara. Semoga kita semua akan terus mendapat berkat dan perlindungan dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
Sempena Majlis Perasmian Konferensi Islam
Antarabangsa Borneo V (KAIB V),
di Dewan Persidangan BRIDEX Jerudong
pada hari Rabu, 7 Sya'aban 1433 Hijriah /
27 Jun 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH segala puji-pujian dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita berkumpul di Persidangan Islam Antarabangsa Borneo Kali Kelima dengan tema 'Membongkar Rahsia Pendidikan Islam, Ilmu dan Keagungan Tamadun Islam di Borneo.'

Terlebih dahulu, saya merakamkan tahniah kepada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Universiti Teknologi Mara Sarawak di atas kejayaan mengungkayahkan persidangan yang amat relevan dengan fungsi dan tanggungjawab masing-masing dalam mengkaji serta memperkasakan pendidikan dan tamadun Islam, khasnya di Kepulauan Borneo.

Saya juga gembira mengambil maklum bahawa persidangan ini dikendalikan di atas jalinan kerjasama strategik di antara kedua-dua buah institusi yang sudah setentunya akan bertambah erat dari semasa ke semasa.

muka 25

Pada hemat saya, tema yang telah dipilih untuk persidangan ini adalah sangat menarik dan penuh bermakna. Ini adalah kerana Borneo adalah sebahagian dari gugusan Nusantara Alam Melayu yang memiliki keunikan tersendiri dari sudut perkembangan pendidikan dan tamadun Islam.

Ulama Islam berasal dari Borneo seperti Syeikh Muhammad Arsyad Banjar dan Syeikh Ahmad Khatib Sambas telah diiktiraf oleh dunia Islam sebagai penggerak perkembangan pendidikan dan tamadun Islam Alam Melayu.

Kegigihan para ulama silam dan kejayaan mereka dalam mengukuhkan tapak cahaya Islam di Nusantara ini patut disyukuri.

Oleh itu, ia selayaknya dikaji bersungguh-sungguh agar ianya dapat dijadikan iktibar sebagai usaha cendekiawan Islam, generasi masa kini, dalam meneruskan perjuangan suci mereka bagi memartabatkan pendidikan dan tamadun Islam.

Kita juga menyedari bahawa masih terlalu banyak rahsia khazanah ilmiah yang belum lagi diteroka dan dibongkar di Kepulauan Borneo ini, terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan Islam, dakwah, tokoh-tokoh, penulisan manuskrip dan peranan institusi pengajian Islam.

Justeru, saya menaruh harapan agar para ahli akademik di rantau ini terus mengumpul karya khazanah ilmiah tersebut sebagai wadah kepada ilmuwan Islam untuk bermuzakarah sesama sendiri dan mengeratkan ukhuwah Islamiyah. Di samping itu, para ahli akademik juga akan berpeluang untuk menaburkan kebijaksanaan masing-masing untuk dikongsikan bagi kemaslahatan umum.

Perkara ini adalah sesuai dengan sifat ilmu itu, dalam mana manfaatnya akan terserlah setelah ianya dikongsikan serta diamalkan bersama. Kita tidak mahu khazanah ilmu yang tidak ternilai harganya itu pupus tanpa dibuat sebarang catatan atau usaha bagi pembukuannya.

Menyentuh mengenai tamadun Islam di kawasan kepulauan ini, saya ingin kongsikan di sini bahawa atas keazaman tinggi paduka ayahanda telah mengisyiharkan negara ini sebagai 'Negara Zikir'. Pengisytiharan ini lahir dari hati dan niat suci paduka ayahanda untuk negara ini sentiasa berusaha dalam membangun dan memperkasa pendidikan Islam dalam arus perdana pendidikan negara.

Matlamatnya adalah jelas, iaitu untuk memasyarakatkan nilai-nilai akhlak mulia dan pelbagai syiar Islam sebagai budaya bangsa dalam melestarikan tamadun Islam di negara ini.

Ke arah itu, KUPU SB, sebagai institusi perguruan dan pendidikan Islam di negara ini setentunya mempunyai tugas penting lagi mulia bagi menghasilkan modal insan yang beriman dan berilmu serta berkebolehan menyahut cabaran kemajuan pendidikan Islam di era globalisasi ini.

Saya berharap program-program yang dirancang dan dilaksanakan secara langsung atau tidak langsung untuk memperkasa gagasan negara sebagai 'Negara Zikir' akan diteruskan dan dipertingkatkan, semata-mata bagi mengharap rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Mudah-mudahan dengannya, negara ini serta seluruh penduduk di dalamnya, insya-Allah akan kekal terpelihara sebagai sebuah negara yang disebut dalam Surah Saba ayat 15 : "*Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur*", iaitu "Negara yang makmur, aman dan sejahtera serta penduduknya mendapat keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala."

Saya percaya persidangan ini akan dapat menghasilkan buah fikiran yang bernalas serta boleh dijadikan sebagai rujukan dalam membangunkan masyarakat Islam di alam Melayu amnya dan Borneo khasnya.

Para ulama, tokoh cendekiawan Islam serta pembentang kertas kerja yang turut mengambil bahagian dalam persidangan ini adalah diharapkan dapat berbincang dengan penuh tanggungjawab ilmiah dan 'ukhuwah Islamiyah' agar objektif persidangan ini dapat dicapai dengan jayanya.

Saya sangat optimis persidangan ini berupaya untuk menjelaskan kejayaan serta memperkuatkan usaha memperkembangkan pendidikan Islam di rantau ini dengan sentiasa berdoa semoga pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa bersama kita.

Akhirnya, dengan berkat kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacita merasmikan Konferensi Islam Antarabangsa Borneo Kelima.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Timbalan Sultan
Sempena Majlis Sambutan
Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-19
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa
pada hari Rabu, 1 Zulhijjah 1433 Hijriah /
17 Oktober 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu, 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah kurnia rahmat dan taufiq-Nya juga, dapatlah kita sekali lagi berhimpun di pagi yang mulia ini bagi menyambut Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-19.

Semogalah sambutan ini akan dapat menambah keazaman dan menaikkan semangat kerja warga Perkhidmatan Awam demi kemajuan Perkhidmatan Awam seterusnya. Berbekalkan keazaman, semangat serta kesedaran, kita akan terus memajukan lagi Perkhidmatan Awam dan dapat bergerak lebih tangkas bagi menghadapi cabaran-cabaran wujud dan yang akan sentiasa bertambah.

Perkhidmatan Awam adalah nadi pentadbiran kerajaan yang bertanggungjawab secara amnya untuk memelihara kemaslahatan orang ramai dan khususnya untuk merencana secara berterusan usaha-usaha bersepak untuk menjayakan agenda pembangunan negara selaras dengan Wawasan Negara 2035.

Perkhidmatan Awam yang efisien dan berkesan adalah keperluan utama negara untuk mencapai kemajuan di dalam apa jua bidang yang berkepentingan termasuk keamanan dan kesejahteraan bagi mendukung kestabilan negara.

Islam sebagai agama dan cara hidup yang syumul juga menuntut agar setiap aspek pentadbiran, pengurusan, penggubalan dasar dan perancangan serta pelaksanaannya yang inklusif berlandaskan Al-Qur'an dan As-Sunnah yang sahih. Justeru, sebagai pentadbir dan pengurus sebuah negara Islam yang berdaulat, kita tidak boleh mengambil ringan terhadap kewajipan ini.

Sehubungan dengan itu, saya menyarankan agar usaha yang berterusan, segera dan tersusun dirancang dan dilaksanakan untuk menilai semula proses dan amalan-amalan pentadbiran, pengurusan, penggubalan dasar-dasar, khususnya di dalam Perkhidmatan Awam supaya ianya sejajar dan benar-benar berpandukan kepada syariat Islam. Usaha murni yang tidak diragukan seumpama ini adalah juga merupakan tuntutan ibadah yang wajib dilaksanakan.

Di samping mengembangluaskan bidang penyelidikan yang menjurus kepada penggubalan dan pelaksanaan program-program Islamisasi, ianya juga boleh dijadikan sebahagian kriteria utama untuk menilai pencapaian sesebuah kementerian melalui kaedah kaedah seperti 'Key Performance Indicators' (KPI) atau di dalam menilai pencapaian setiap Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) di masa-masa akan datang.

Paduka ayahanda melalui titah Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-66 yang pada asasnya bermaksud bahawa kecekapan pengurusan, disiplin dan kepimpinan di dalam kemajuan kerjaya pegawai Perkhidmatan Awam adalah di antara perkara-perkara utama yang masih saja di tahap yang memerlukan peningkatan dan perhatian.

Dalam konteks ini, saya akan menyentuh beberapa perkara yang perlu juga diberikan perhatian oleh Perkhidmatan Awam untuk memenuhi hasrat titah paduka ayahanda tersebut. Integriti dan akhlak mulia adalah

merupakan nilai-nilai penting yang diperlukan oleh warga Perkhidmatan Awam untuk menjadi warga kerja yang penuh bertanggungjawab di sisi peraturan dan undang-undang.

Kita juga perlu sentiasa peka kepada kehendak permintaan awam dan tahap kualiti perkhidmatan untuk memenuhi ekspektasi pelanggan mengikut piagam pelanggan iaitu Tekad Pemedulian Orang Ramai atau TPOR. TPOR kita perlu saja dipastikan untuk sentiasa dipenuhi dan direbiu untuk peningkatan dari semasa ke semasa.

Sungguhpun dengan tekanan permintaan awam yang sentiasa meningkat, sikap mesra pelanggan, tidak camah mata dan bersedia untuk berbakti adalah nilai-nilai yang sangat dituntut di dalam Perkhidmatan Awam yang bertunjangkan Islam.

Pegawai-pegawai eksekutif dan ketua-ketua jabatan perlu lebih bersedia untuk turun padang bagi melihat lebih jauh dan secara dekat mengenai permasalahan orang ramai. Kaedah ini akan dapat memberikan gambaran sebenar dalam menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai dengan lebih berkesan serta telus.

Sudah tiba masanya pencapaian Perkhidmatan Awam di negara ini, khasnya di dalam bidang ICT untuk dinilai secara terperinci bagi mengetahui *value for money* yang telah diperolehi dan mengukur status sebenar kemajuan kita di dalam meraih kemanfaatan daripada bidang yang penting ini. Ini akan membolehkan kita memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada dan seterusnya memperkasa lagi pelaksanaan perancangan yang sudah disediakan.

Mengenai dengan pencapaian kita di dalam Perkhidmatan Awam secara amnya adalah amat penting bagi kita di semua peringkat akan terus lebih peka terhadap KPI yang telah ditetapkan untuk mengukur pencapaian semasa kita. Sasaran terutama kita ialah untuk mewujudkan budaya kerja yang berorientasikan pencapaian atau *performance* dalam semua sektor Perkhidmatan Awam dan termasuk juga swasta.

Kehendak ini mencerminkan betapa pentingnya Perkhidmatan Awam untuk terus berkeupayaan secara berperancangan bagi merekrut atau mendapatkan tenaga-tenaga kerja baru yang terbaik dari segi kelulusan dan beretika.

Rancangan penggantian berkesan adalah setentunya bermula dengan mekanisme pengambilan yang kompetitif dan seterusnya didukung dengan program-program latihan yang berterusan. Sistem galakan adalah sebahagian komponen terpenting di dalam rancangan penggantian yang dihasratkan untuk mengoptimakan kemajuan tenaga kerja, lebih-lebih lagi di peringkat kepimpinan.

Saya berharap perancangan penggantian di dalam Perkhidmatan Awam kita akan lebih dapat diperkasa dan diperkesan. Ke arah ini, paduka ayahanda telah pun memperkenankan 'Kaedah Kenaikan Pangkat Laluan Laju' sebagai sebahagian dari usaha untuk merangsang kemajuan pesat dan kompetitif di kalangan pegawai-pegawai Bahagian II ke atas.

Saya percaya kaedah yang penting ini akan seterusnya dapat dimanfaatkan melalui pelaksanaan yang berkesan bagi melahirkan modal insan di dalam Perkhidmatan Awam yang lebih mantap dari segi kualiti dan kompetensi masing-masing.

Modal insan di alaf baru semestinya berilmu pengetahuan, berkemahiran dan berkepakaran yang bersesuaian, di samping berfikiran strategik dalam melaksanakan tugasannya supaya sentiasa kekal relevan dengan peredaran masa dan perubahan persekitaran. Ciri-ciri lainnya termasuklah kemampuan untuk bekerja sebagai satu pasukan, inovatif, bersedia berkongsi pengetahuan dengan pekerja lain dan penghayatan terhadap prinsip pembelajaran sepanjang hayat.

Saya ingin melihat supaya Perkhidmatan Awam kita lebih *coordinated* dan proaktif di dalam usaha membuat dan melaksanakan perubahan-perubahan bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan produktiviti modal insan. Di dalam hal ini, keberkesanan dalam mengatur

strategi pengurusan perubahan atau *change management* adalah juga perlu diperkirakan serta dipertingkatkan secara berterusan.

Akhir sekali, saya mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Pekerja Cemerlang dan Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam pada pagi ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada jasa sumbangan bakti yang telah dicurahkan oleh semua warga Perkhidmatan Awam sama ada sedang berkhidmat atau telah bersara.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Timbalan Sultan
Sempena Majlis Pembukaan Rasmi 2012
Brunei Sports Convention And Expo 'Sports For Excellence'
di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC)
pada hari Selasa, 21 Zulhijjah 1433 Hijriah /
6 November 2012 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillah Hir Rahman Nir Rahim

Alhamsdillahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaa Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

TERLEBIH dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) di atas kejayaan menganjurkan '2012 Brunei Sports Convention And Expo' buat julung kalinya.

Saya difahamkan Convention dan Expo ini dihasratkan sebagai satu langkah ke hadapan ke arah perkembangan potensi dan manfaat sukan tanah air melalui perkongsian pengalaman serta pengetahuan setiap *stakeholders* dalam isu-isu yang berkaitan.

Di kesempatan ini, saya sukacita mengalu-alukan dan mengucapkan selamat datang kepada pembentang-pembentang konvensyen yang terdiri daripada ahli sukan dan badan-badan sukan yang *established* serta berwibawa dari negara-negara ASEAN dan jiran serantau.

Kita semua menyedari bahawa bidang sukan adalah salah satu penyumbang langsung kepada kesejahteraan kehidupan dan keharmonian masyarakat.

muka 34

Jelasnya, kegiatan fizikal adalah merupakan salah satu komponen penting ke arah hidup sihat dan dalam masa yang sama mencegah penyakit kronik tidak berjangkit seperti penyakit kanser, jantung, kencing manis, tekanan darah tinggi dan obesiti.

Justeru itu, paduka ayahanda juga sering kali menitahkan betapa pentingnya mengamalkan cara hidup sihat.

Sempena Hari Keputeraan paduka ayahanda Ke-66 Tahun pada 15 Julai yang lalu, antara lain paduka ayahanda telah menitahkan: "Untuk sihat, kita memerlukan disiplin gaya hidup sihat dan pemakanan sihat. Di antara gaya hidup sihat itu ialah rajin beriadah."

Semenjak beberapa tahun yang lalu, kerajaan paduka ayahanda telah pun menyediakan peruntukan yang bersesuaian untuk membina kemudahan-kemudahan riadah dan bersukan tambahan, khususnya yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Kementerian Pembangunan.

Di samping itu, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan telah juga menyediakan Garis Pandu Kebangsaan Kegiatan Fizikal bagi Negara Brunei Darussalam yang mengandungi saranan yang komprehensif tentang amalan kegiatan fizikal untuk pelbagai kategori peringkat umur termasuk dalam kategori mereka yang menghadapi penyakit-penyakit kronik.

Dalam hubungan ini, saya sukacita menyeru kepada semua penduduk negara ini supaya dapat memanfaatkan Garis Pandu Kebangsaan yang telah pun disediakan ini.

Bagi memupuk cara hidup sihat dan kegemaran bersukan tersebut, saya berpendapat bahawa ianya bermula dari kefahaman tentang pentingnya bersukan dalam kehidupan dalam kalangan semua peringkat masyarakat umum. Kefahaman ini perlu dipertingkatkan secara insklusif.

muka 35

Ini termasuklah memperkenalkan aktiviti serta memupuk minat bersukan, khususnya dalam kalangan anak-anak bermula dari bangku sekolah sebagai amalan gaya hidup yang sihat dan pembentukan disiplin pada peringkat awal lagi. Pencapaiannya secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan risiko obesiti dalam kalangan kanak-kanak dan belia yang merupakan aset paling produktif dan berharga bagi sesebuah negara.

Justeru itu, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah membuat banyak pelaburan bagi menyediakan kemudahan dan prasarana sukan di sekolah-sekolah. Ini termasuklah menyediakan tenaga pengajar khusus dalam bidang sukan bagi membudayakan bersukan sebagai aktiviti kokurikulum yang berupaya untuk meningkatkan disiplin serta keyakinan diri para pelajar.

Di samping itu, kejohanan tahunan yang dianjurkan institusi pendidikan di negara ini secara berterusan dalam pelbagai bidang sukan bagi meningkatkan mutu sukan dalam suasana yang kompetitif secara langsung telah memberikan peluang kepada mereka yang berpotensi untuk mewakili negara pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Menyentuh kecemerlangan sukan, semua pihak, khususnya badan-badan sukan, sama ada di sektor awam maupun swasta serta pihak yang berkepentingan lainnya, perlu bekerjasama dan memainkan peranan secara serius bagi meningkatkan pencapaian sukan di negara ini.

Secara amnya, pada hemat saya pencapaian sukan negara adalah masih pada tahap yang memerlukan strategi dan usaha yang bersepada dari pelbagai agensi. Apatah lagi jika kita mahu sukan sebagai penjana sumber aktiviti ekonomi yang mampan.

Sehubungan dengannya, paduka ayahanda telah memperkenankan penubuhan 'Jawatankuasa Pandu Bagi Pembinaan Sebuah Stadium Baru di Negara Brunei Darussalam', sebagai mempersiapkan keupayaan kita sebagai tuan rumah kepada kejohanan-kejohanan sukan serantau dan antarabangsa. Ini juga bertepatan dengan hasrat negara ini untuk menjadi

muka 36

tuan rumah kepada Sukan SEA 2019.

Ke arah itu, saya mengambil maklum bahawa matlamat konvensyen ini adalah juga bagi merangka sebuah ekosistem sukan yang bersepada serta berdaya maju bagi melahirkan atlet-atlet sukan yang berwibawa. Dengan demikian, para peserta dapat mempelajari serta mencontohi amalan-amalan terbaik dan mengkaji serta menganalisa pengalaman jaguh-jaguh serantau dan antarabangsa.

Konvensyen ini diharapkan akan dapat memberikan gambaran terhadap fokus hala tuju bidang sukan kepada negara ini.

Saya juga difahamkan selaras dengan penubuhan Komuniti ASEAN menjelang 2015, Kerajaan-kerajaan ASEAN telah pada dasarnya sepakat bagi meraih kemanfaatannya dengan perancangan sebuah pelan untuk mengembangmajukan 'Industri Sukan dalam ASEAN'!

Dalam kata lain, penubuhan Komuniti ASEAN akan membuka peluang-peluang komersial melalui bidang sukan yang menawarkan pasaran terbuka bagi laluan transaksi rentas sempadan yang lebih luas.

Ini termasuk dalam bentuk penajaan, penghijrahan atlet, pelesenan dan penjualan, nasihat guaman dalam pengukuhan hak-hak intelektual dan pelancongan sukan.

Perkara utama dalam inisiatif ini adalah potensi pulangan dari hak penyiaran dalam rangkaian televisyen kepada pendapatan badan dan pasukan sukan profesional.

Pada masa yang sama, beberapa bidang lainnya akan juga mendapat manfaat langsung melalui pertumbuhan perkhidmatan dukungan berkaitan sukan yang antara lainnya termasuk bidang perubahan sukan, pemasaran, kursus-kursus, pengurusan *venue* dan acara, serta pentadbiran sukan.

Perkembangan ini adalah juga selaras dengan pembangunan sumber manusia yang tidak terhad hanya kepada pengajian sukan.

muka 37

Ini termasuklah pembangunan keupayaan dalam pengurusan kewangan, pemasaraan, perhubungan awam dan kewartawanan yang berkaitan sukan. Pada masa yang sama, potensi dan penglibatan kesukuan dalam bidang sukan yang merentasi sempadan juga turut memperkuuhkan perpaduan pada peringkat serantau.

Saya percaya dengan perancangan sukan yang lebih bersistematis serta sokongan, kerjasama dan komitmen daripada semua pihak, visi gaya hidup sihat melalui sukan, serta usaha-usaha bersepada yang menjurus ke arah pembangunan industri sukan yang mapan akan dapat menyebarluaskan asas kepelbagian ekonomi dan mendekatkan kita kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Akhirnya, kepada para pembentangan serta peserta konvensyen dari luar negara, saya juga berharap mereka berpeluang menikmati keunikan dan tradisi setempat dengan lebih dekat, di samping kesempatan untuk merasakan suasana hijau, kesegaran udara serta keamanan negara ini

Dengan mendahuluikan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya sukacita merasmikan ‘2012 Brunei Sports Convention And Expo’.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.